

Pelajar, penduduk Kampung Sungai Nibong kongsi ilmu agama

BATU PAHAT - Seramai 400 penduduk dan 200 pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Pusat Islam, Masjid Sultan Ibrahim dan Perpustakaan Tunku Tun Aminah menjayakan program Jalinan Ukhwah Masjid dan Surau (JUMS) 2017 di Kampung Sungai Nibong, Semerah, baru-baru ini.

Ketua Pusat Islam UTHM, Mohd Lotfi Solihan berkata, pro-

gram yang mendapat kerjasama daripada jawatankuasa Masjid Seri Utama, bertujuan memberi kefahaman dan pendedahan terhadap ilmu yang berkaitan dengan agama Islam dan ketuhanan kepada masyarakat.

Katanya, antara pengisian program, Seni Taranum, Bacaan Bertajwid, Pengurusan Jenazah Islam, Kaedah Penyembelihan Dalam Islam, Kekeluargaan Islam dan Kemahiran Capaian Maklumat Bersama Masyarakat.



Sebahagian peserta program JUMS'17 bergambar kenangan dengan jawatankuasa Masjid Seri Utama, Kampung Sungai Nibong selepas program.